



Siaran
AKHBAR
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/03/012

**LAWATAN KERJA TYT BAN KI-MOON, SETIAUSAHA AGUNG PERTUBUHAN
BANGSA-BANGSA BERSATU KE PUSAT LATIHAN PENGAMAN MALAYSIA**

Unit Komunikasi Korporat Kementerian Pertahanan telah mengeluarkan kenyataan berikut:

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu TYT Ban Ki-moon telah mengadakan Lawatan Kerja ke Malaysia mulai 21 hingga 22 Mac 2012. Antara tempat yang beliau lawati adalah Pusat Latihan Pengaman Malaysia (PLPM).

Dengan cogan kata “**Partnering For Peace**” PLPM telah ditubuhkan pada 1 Januari 1996. Pada peringkat awalnya, nukleus PLPM telah berfungsi di Pusat Peperangan Bersama (PERSAMA), Markas Angkatan Tentera Malaysia Kementerian Pertahanan dan kemudian telah berpindah ke lokasi sementara di Cawangan Pengurusan, Institut Pengurusan Tentera Darat Port Dickson, Negeri Sembilan. PLPM telah berpindah ke kompleks yang baru di lokasi sekarang dan telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Pertahanan pada ketika itu, iaitu YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak pada 20 Apr 2006.

PLPM adalah sebuah unit Perkhidmatan Bersama ditubuhkan untuk melatih anggota-anggota ATM serta agensi-agensi lain untuk melengkapkan pengetahuan bagi membolehkan mereka bertugas di bawah misi Pengaman PBB sebagai Pemerhati Tentera dan Staf untuk misi-misi Pengaman. Sehingga kini PLPM telah melatih seramai 2276 orang pegawai terdiri daripada 1582 pegawai tentera tempatan, 483 pegawai tentera luar negara, 192 anggota tentera lain-lain pangkat, 16 PDRM dan 3 orang awam dari Bahagian Dasar KEMENTAH.

Sehingga kini PLPM telah menganjurkan 49 Siri Kursus Pemerhati TenteraPBB (UNMOC), 12 Siri Kursus Logistik PBB (UNLOC), 6 Siri Kursus Jurulatih Operasi Pengaman (PKOIC) kerjasama GPOI, 5 Siri Kursus Pegawai Staf PBB (UNSOC) kerjasama GPOI, 6 Siri Kursus Tim Pemantau Antarabangsa (Mindanao) dan 9 Kursus Malaysia Medical Unit.

Bagi menghadapi cabaran penglibatan negara dalam misi-misi pengaman akan datang, beberapa aspek bidang tugas PLPM disarankan untuk diperluaskan skopnya. Tumpuan utama PLPM adalah melaksanakan Kursus Pemerhati Tentera PBB serta Kursus Logistik PBB sejajar dengan keperluan melengkapkan dan meningkatkan keupayaan ATM dalam penugasan misi pengaman di bawah naungan PBB, mahupun Pertubuhan Serantau yang lain seperti NATO, OIC dan sebagainya.

Selain dari lawatan ke PLPM, antara aktiviti sepanjang Lawatan Kerja Setiausaha Agung PBB, TYT Ban Ki-Moon ke Malaysia ialah Kunjungan Hormat kepada Perdana Menteri, lawatan ke *Institute of Diplomacy and Foreign Relations* (IDFR) dan lawatan ke *Institute of Respiratory Medicine* (IRM).

Turut hadir adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg Dato' Sri Dr Haji Ismail bin Haji Ahmad, Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar mewakili Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Ketua Staf Angkatan Tentera Malaysia Lt Jen Datuk Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor dan wakil tetap Malaysia di PBB YBhg Dato' Hussein bin Haniff

KUALA LUMPUR

22 MAC 2010